

(b) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberikan dengan membetuk kata ganda separa berimbuhan.

jahit kejar bantu raba kecil

- 1 Kita hendaklah _____ dalam hidup bermasyarakat.
- 2 Syafiq dan adiknya _____ di pantai sambil bermain air.
- 3 Zakiah berniaga _____ untuk menampung perbelanjaan keluarganya.
- 4 Adlin _____ mukanya yang bengkok akibat kemalangan tempoh hari.
- 5 Amna mengambil kursus _____ sambil menunggu keputusan SPM keluar.

(c) Gariskan kata ganda berentak yang paling sesuai dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 (Kuih-muih, Rempah-ratus) yang dijual oleh Mak Cik Khadijah enak sekali.
- 2 Penduduk Kampung Kenanga terkenal dengan sikap (segar-bugar, ramah-tamah).
- 3 Murid-murid sekolah itu dikejarkan ke hospital kerana mengalami (cirit-birit, pucat-pasi).
- 4 Azfar lari (lintang-pukang, simpang-siur) apabila dikejar anjing semasa pulang dari padang.
- 5 Suasana di Bazaar Baru Chow Kit memang (hingar-bingar, kucar-kacir) dengan suara para penjual dan pembeli.

Kata Majmuk

NOTA CERDIK

Bentuk Kata Majmuk

- 1 Kata majmuk merupakan proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna yang khusus.
- 2 Kata majmuk dioja terpisah tetapi bertindak sebagai satu unit, iaitu kata majmuk tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain.
- 3 Terdapat beberapa kategori kata majmuk, iaitu:
 - (a) Kata majmuk rangkai kata bebas. Contoh: jam tangan, nasi minyak, bom tangan, moja tulis
 - (b) Kategori ini termasuk juga gelaran seperti: Perdana Menteri, Ketua Menteri, Raja Muda, Duta Besar, Naib Canselor, Profesor Madya, Ketua Setiausaha Negara
 - (c) Kata majmuk istilah khusus. Contoh: garis pusat, kertas kerja, cari gali, segi tiga, pita suara
 - (d) Kata majmuk klasan (peribahasa). Contoh: kaki ayam, pilih kasih, duit kopi, kaki hangku
- 4 Namun begitu, terdapat 15 kata majmuk yang sudah mendapat penggunaannya dan dioja sebagai satu perkataan.

KATA MAJMUk MANTAP (Dijadikan Petikan supaya Mudah Menghafal)

(1) SETIAUSAHA buhagina (2) SURUHANJAYA atas arahan (3) PESURUHJAYA, mombuat catatan, komudian (4) TANDATANGAN boruag lalu (5) BERITAHU semua (6) KAKITANGAN akan perlunya (7) KERJASAMA moyyalunkan (8) TANGGUNGJAWAB sebagai seorang (9) WARGANEGARA dalam kalangan (10) BUMIPUTERA dolerusoyak (11) JAWATANKUASA memutuskan peserta (12) OLAHRAGA berlalib socar (13) SUKAKELIA di bawah caluway (14) MATAHARI untuk pemilihan peringkat (15) ANJARABANGSA

Penggunaan Kata Majmuk

Penggunaan kata majmuk melibatkan penggunaan malar pecahan swanaku bahasa srbaja. Contoh: alat-alat tulis, gambar gambruh tulis, bnduh-bnduh tulis, bnduh-bnduh tulis